

P.U. (A) 193.**AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006****KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PERJANJIAN PERKHIDMATAN
BEKALAN AIR ANTARA PENGGUNA DENGAN PEMEGANG LESEN
PENGAGIHAN AIR) (PINDAAN JADUAL) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subperenggan 180(b)(ii) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Suruhanjaya membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Air Antara Pengguna Dengan Pemegang Lesen Pengagihan Air) (Pindaan Jadual) 2020**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2020.

Pindaan Jadual

2. Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Perjanjian Perkhidmatan Bekalan Air Antara Pengguna Dengan Pemegang Lesen Pengagihan Air) 2014 [*P.U. (A) 227/2014*] dipinda dalam Jadual—

(a) dalam perenggan 15.3, dengan memasukkan selepas perkataan “dibekalkan air” perkataan “bagi tujuan penggunaan domestik”; dan

(b) dengan menggantikan perenggan 20.3 dengan perenggan yang berikut:

“20.3 Pemegang Lesen Pengagihan Air berhak untuk menamatkan pembekalan air ke Premis Pengguna jika mahkamah mengisytiharkan bahawa Pengguna itu tidak mempunyai hak di sisi undang-undang untuk menduduki premis itu.”.

Dibuat 23 Jun 2020

[KASA.BAP.(S).700-1/1/1; PN(PU2)660/XIV]